

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

Kekang kemasukan pelarian berisiko bawa penyakit untut

Kuala Lumpur: Kerajaan perlu membuat perancangan mantap bagi mengekang kemasukan warga asing terutama pelarian Rohingya yang berisiko meningkatkan jumlah penyakit berjangkit seperti filariasis (untut) atau malaria.

Ketua Unit Kesihatan Awam di Pertubuhan Ikatan Pengamal Perubatan dan Kesihatan Muslim Malaysia (I-MEDIK), Dr Ihsanuddin Abbas berkata sekiranya tiada perancangan, pihak berwajib perlu menyediakan peruntukan bagi menyaring serta merawat individu berisiko membawa penyakit berkenaan.

Katanya, kebanyakan warga asing yang memasuki negara ini tidak lagi tinggal dan bekerja di kawasan ladang atau tapak pembinaan, sebaliknya di kawasan komuniti tempatan sekali gus memberi risiko jangkitan kepada penduduk.

"Bagi memastikan Malaysia boleh mencapai sasaran eliminasi filariasis, Kementerian Kesihatan (KKM) perlu sentiasa menjalankan saringan ke atas penduduk berisiko dan pekerja asing yang datang dari negara endemik.

"Perancangan Agensi Peman-tauan dan Pemeriksaan Perubatan Pekerja Asing (FOMEMA) untuk memasukkan saringan ini sebagai syarat kemasukan pekerja asing sangatlah dialu-alukan, tetapi diharapkan saringan itu dapat dilaksanakan di negara asal mereka sebelum dibawa masuk ke sini.

"Ini kerana ia memerlukan kos lebih tinggi untuk menjalankan saringan dan rawatan di dalam negara jika penyakit itu dikesan.

"Selain filariasis, penyakit bawaan vektor seperti malaria juga masih dikesan dalam kalangan pekerja asing. Justeru ia juga perlu disaring sebelum dibawa masuk.

"Malaysia juga menerima kemasukan pelarian Rohingya yang juga berisiko membawa penyakit seperti filariasis dan malaria. Justeru kerajaan perlu membuat perancangan yang lebih berkesan mengekang kemasukan mereka," katanya kepada BH semalam.

Kelmarin, BH melaporkan jumlah penghidap penyakit filariasis dan hepatitis C dalam kalangan pekerja asing semakin meningkat sejak empat tahun lalu.

Peningkatan itu membuatkan FOMEMA menambah tiga lagi ujian saringan penyakit bagi semua pekerja asing yang masuk ke negara ini.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NASIONAL

Tangani stigma isu kesihatan mental

Nurul Nadiyah
Mansor,
Presiden
Pertubuhan
Literasi
Kesihatan Mental

Apabila menguruskan isu kesihatan mental, hal utama yang perlu ditangani adalah stigma dan diskriminasi daripada masyarakat.

American Psychiatric Association dalam satu artikel mendefinisikan stigma itu diklasifikasikan dalam tiga bentuk. Pertama, stigma awam membabitkan sikap negatif atau diskriminasi yang ada pada orang lain mengenai penyakit mental. Kedua, stigma diri iaitu merujuk kepada sikap negatif, termasuk rasa malu yang terpendam dimiliki oleh pesakit terhadap diri sendiri. Ketiga stigma institusi membabitkan dasar organisasi kerajaan dan swasta yang secara sengaja atau tidak sengaja mengehadkan peluang untuk penghidap penyakit mental.

Stigma akan menyebabkan isu seperti enggan mendapatkan bantuan dan rawatan, berasa kurang harapan, rendah diri, peningkatan gejala psikiatri, kesukaran dalam hubungan sosial, mengurangkan kemungkinan untuk kekal dengan rawatan dan kesukaran di tempat kerja.

Selain itu, ia akan menyebabkan kurang persefahaman masyarakat termasuk ahli keluarga, peluang pekerjaan terhad, isu buli atau keganasan fizikal dan gangguan secara berterusan.

Kita perlu berganding bahu membanteras stigma yang ada. Organisasi berkaitan kesihatan mental, The national alliance on Mental Illness (NAMI) menyebut antara kaedah yang boleh dilakukan bagi mengurangkan stigma adalah bercakap secara terbuka mengenai kesihatan mental seperti perkongsian di media sosial.

Kita perlu mengurangkan komen negatif mengenainya dengan berkongsi fakta dan pengalaman. Galakkan kesaksamaan antara penyakit fizikal dan mental, menunjukkan belas kasihan kepada mereka yang ada penyakit mental.

Jangan tunggu sehingga kita ataupun ahli keluarga ada masalah kesihatan mental, baru mahu bertindak. Tindakan segera perlu diambil dan kita juga perlu peka mengenai kesihatan mental. Ini dapat memperluaskan peranan kita.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 20
RUANGAN : LOKAL

lokal

KESIHATAN GIGI KANAK-KANAK JALANAN MEMBIMBANGKAN

Jangan pandang remeh'

Bernama
Kuala Lumpur

Usia kanak-kanak lelaki ini baru empat tahun tapi kedatangannya ke lorong belakang Jalan Tuanku Abdul Rahman untuk mendapatkan perkhidmatan pergigian mengejutkan sekumpulan doktor gigi yang terlibat dalam rawatan percuma untuk golongan gelandangan dan miskin bandar.

Ini kerana, keadaan struktur gigi anak ini sangat tidak sihat apabila kebanyakan gigi susunya sudah menjadi tunggul gigi selain lebih daripada 10 gigi berhubung dan tidak boleh diselamatkan atau ditampal.

Oleh kerana tiada pilihan, doktor gigi terpaksa mencabut kesemua gigi susu kanak-kanak berkenaan bagi mengelak risiko lebih parah sehingga menyebabkan keradangan pada gusi mahupun hujung akar gigi yang mengakibatkan bengkak, bernanah sekaligus terdedah pelbagai penyakit.

Kanak-kanak lelaki ini berhadapan masalah karies awal kanak-kanak yang memerlukan kesemua giginya dicabut berbanding usia sepatutnya. Setiap gigi susu mempunyai umur untuk tertinggal sebelum pertumbuhan gigi kekal, gigi depan misalnya dalam umur enam hingga tujuh tahun bergantung kepada struktur gigi.

Apabila terpaksa dicabut lebih awal iaitu dua atau tiga tahun sebelum pertumbuhan gigi kekal, kanak-kanak ini akan sukar makan sekali gus mengganggu proses tumbesaran apabila kurang

mendapat nutrisi sepatutnya," kata Pensyarah Pelatih Pakar Pergigian Kesihatan Awam Hospital USM Dr Muhammad Nazmi Abdul Majid kepada Bernama.


Situasi menyedihkan itu bukan hanya dialami kanak-kanak lelaki berkenaan, sebaliknya turut dialami kebanyakan kanak-kanak jalanan di sekitar Chow Kit, Lorong Haji Taib dan Kampung Baru yang ditemui semasa perkhidmatan rawatan pergigian percuma itu.

Dr Muhammad Nazmi yang juga setiausaha program Dentistry For The Needy (DFTN @ Chow Kit), keadaan itu sangat membimbangkan kerana tidak wajar berlaku di tengah kawasan bandar yang mempunyai kemudahan perkhidmatan rawatan pergigian.

"DFTN memberikan rawatan pergigian percuma kepada komuniti ini pada Khamis minggu akhir setiap bulan. Kami dapati antara lima hingga lapan kanak-kanak jalanan ini berhadapan masalah kesemua gigi terpaksa dicabut awal berbanding usia sepatutnya dan jumlahnya mengejutkan.

"Situasi begini tidak berlaku di kawasan luar bandar yang akses rawatan pergigian percuma sukar diperolehi. Kami dapati ketiadaan dokumen pengenalan diri antara faktor membuatkan ibu bapa tidak membawa kanak-kanak jalanan mendapatkan rawatan pergigian percuma di mana-mana klinik kerajaan selain kurangnya pengetahuan penjagaan kesihatan mulut dan gigi," katanya.

Selama lebih enam tahun program DFTN ini digerakkan oleh Persatuan Doktor Pergigian Islam



KANAK-KANAK jalanan di sekitar Chow Kit, Lorong Haji Taib dan Kampung Baru mendapatkan perkhidmatan rawatan pergigian percuma melalui Program Dentistry For The Needy (DFTN @ Chow Kit), baru-baru ini.

Malaysia, Dr Muhammad Nazmi berkata ketiadaan dokumen pengenalan diri itu telah menafikan hak kanak-kanak jalanan ini untuk mendapatkan rawatan pergigian di fasiliti kesihatan kerajaan dengan harga subsidi untuk warganegara.

Ini kerana, untuk melakukan rawatan pergigian di mana-mana klinik kerajaan untuk tampalan misalnya, mereka yang bukan warganegara perlu membayar kira-kira RM50 dan itu tidak termasuk kos pendaftaran (RM40) mahupun cabutan gigi (RM50).

"Keadaan ini menyebabkan komuniti miskin bandar dan gelandangan terpaksa mengutamakan makanan buat keluarga berbanding penjagaan kesihatan termasuklah gigi. Kami dapati kebanyakan kanak-kanak jalanan menghadapi masalah gigi dise-

babkan jenis makanan yang dimakan.

"Ibu bapa kanak-kanak ini tidak mampu menyediakan makanan berkhasiat dan kebanyakannya asal makan, dapat beri tenaga termasuk makanan tidak sihat seperti jajan dan benda-benda manis, sekali gus meningkatkan risiko kerosakan gigi apabila tidak dijaga," menurut Naib Pengerusi DFTN Dr Bryan Sasikiran.

Mungkin ada beranggapan ia sekadar masalah gigi dan tidak mengundang polemik serius, namun masalah kerosakan gigi tidak boleh dipandang mudah memandangkan masalah tersebut tidak hanya mengganggu produktiviti seseorang itu apabila mengalami kesakitan gigi.

Tetapi ia juga berisiko 'maut' apabila bengkak dan nanah pada gigi yang dibiarkan boleh mengganggu saluran pernafasan dan

kejadian malang ini pernah dilaporkan berlaku pada kanak-kanak jalanan di negara miskin.

"Di kawasan wajah melibatkan banyak saraf, saluran darah dan rongga yang terlibat dekat dengan bahagian vital badan seperti saluran pernafasan. Oleh itu, masalah gigi tidak boleh dipandang ringan. Kami amat mengharapkan kerajaan memainkan langkah lebih proaktif membantu kanak-kanak jalanan bagi membolehkan mereka mendapatkan perkhidmatan kesihatan kerajaan.

"Kita juga sudah mendengar berita-berita sebelum ini akan kebijaksanaan kanak-kanak jalanan ini dalam pelajaran dan amat merugikan apabila mereka yang sewajarnya menjadi pelajar negara ini dinafikan dalam pelbagai hak-haknya kerana tidak mempunyai dokumen kerakyatan

diri," katanya.

Kesukaran dihadapi masalah golongan gelandangan dan miskin bandar yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri ini membuatkan DFTN aktif turun padang bagi membantu penjagaan gigi komuniti tersebut selain meningkatkan kesedaran mereka.

Dr Bryan juga berkata antara rawatan ditawarkan adalah cabutan, tampalan dan rawatan pencegahan dengan meletakkan gel florida bagi menghalang lubang gigi daripada berlaku.

"Kita juga mengagihkan berus dan ubat gigi serta memberi tunjuk ajar kepada mereka tentang tatacara kebersihan mulut seperti memberus gigi dengan cara yang betul selain menawarkan pemeriksaan kesihatan percuma seperti ujian tekanan darah dan kandungan gula," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Petani, penternak, nelayan terus diminta bersedia

El Nino tidak jejas sumber bekalan

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

SHAH ALAM – Fenomena El Nino yang dijangka melanda negara sehingga Jun depan tidak menjejaskan sumber makanan bekalan negara, setakat ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, cuaca panas berpanjangan itu tidak mempengaruhi bekalan daripada petani, penternak dan nelayan.

Jelas beliau, pemerhatian pihaknya mendapati sumber bekalan ketika ini masih mencukupi biarpun fenomena itu diramal lebih kritikal pada tahun depan.

"Kementerian sememangnya ada menerima aduan biasa contohnya daripada petani tetapi ia melibatkan masalah alat timbangan.

"Namun insya-Allah sumber bekalan makanan masih terjamin dan mencukupi," katanya selepas melakukan lawatan kerja ke kilang Keropok House & Industry Sdn. Bhd. di Seksyen 27, di sini semalam.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, semua penternak, petani dan nelayan bagaimanapun diminta supaya 'sedikan payung sebelum hujan' dengan mematuhi arahan pihak berkuasa termasuk Kementerian Kesihatan (KKM).

"Semua pihak diminta bersedia menghadapi segala kemungkinan berikutan fenomena El Nino ini," katanya.

Tambah beliau, pada ming-



MOHAMAD (dua dari kanan) ketika melawat kilang pemprosesan keropok lekor di Keropok House & Industry Sdn. Bhd. di Seksyen 27, Shah Alam semalam. – M. FIRDAUS M. JOHARI

gu hadapan pihaknya akan menyertai mesyuarat bersama Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) bagi membincangkan persiapan negara menghadapi fenomena tersebut.

"Cuaca panas ini akan dihadapi dalam tempoh lama dan golongan itu perlu mematuhi semua arahan pihak berkuasa termasuk daripada KKM.

"Saya setakat ini belum dimaklumkan mengenai perkara itu, namun kita tidak bergerak secara bersendirian dan akan menyelesaikannya secara bersama dengan beberapa kementerian," katanya.

Pada minggu lalu, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Muhammad Helmi Abdullah memaklumkan, El Nino dengan intensiti kuat yang sedang melanda dunia ketika ini dijangka berterusan di negara ini.

El Nino dijangka menjadi lebih ekstrem dengan peningkatan suhu dan pengurangan jumlah taburan hujan di seluruh negara pada tahun ini disebabkan faktor pemanasan global yang dihadapi dunia ketika ini.

Fenomena El Nino sering menyebabkan hujan berkurangan sekali gus berisiko mengakibatkan paras air sungai merosot dan empangan menjadi kering.



ORANG ramai dinasihatkan untuk mengehendkan tempoh berada di luar bangunan ketika cuaca panas. – GAMBAR HIASAN

Cuaca panas dijangka hingga hujung Mac

PETALING JAYA – Cuaca panas yang melanda ketika ini adalah disebabkan negara kini berada pada fasa akhir Monsun Timur Laut yang dijangka berterusan sehingga penghujung Mac depan.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (Met-Malaysia), Muhammad Helmi Abdullah berkata, dalam tempoh tersebut litupan awan dan taburan hujan kelazimannya adalah kurang di kebanyakan tempat, terutamanya di kawasan utara Semenanjung termasuk Perak, Pahang dan Kelantan.

Katanya, ketiadaan hujan dalam tempoh yang lama boleh menyebabkan cuaca lebih panas dan kering berbanding kebiasaan.

"Cuaca panas yang dialami ketika ini adalah satu fenomena berulang yang berlaku saban tahun pada setiap Februari hingga Mei.

"Dalam tempoh ini, suhu maksimum harian boleh melebihi 35 darjah Celsius pada

awal petang," katanya dalam kenyataan semalam.

Katanya, setakat ini, suhu tertinggi yang dicatatkan oleh stesen meteorologi utama Met-Malaysia adalah 36.9 darjah Celsius iaitu di Chuping, Perlis pada 8 Februari lalu.

"Berikutan fenomena El Nino kuat yang sedang melanda dunia ketika ini, dijangka suhu maksimum harian di negara kita boleh menjadi lebih tinggi di kebanyakan tempat.

"Dalam keadaan cuaca panas, semua pihak dinasihatkan supaya mengambil langkah penjimatan untuk penggunaan air," ujarnya.

Katanya, orang ramai juga dinasihatkan untuk mengehendkan tempoh berada di luar bangunan bagi mengelak terdedah kepada cuaca panas.

"Ikuti saranan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan bagi mengekalkan keadaan sihat semasa cuaca panas.

"MetMalaysia sentiasa memantau keadaan cuaca di seluruh negara," tambahnya.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : VIEWS

THE STAR, WEDNESDAY 14 FEBRUARY 2024



YOUR OPINION

EMAIL: editor@thestar.com.my or
MAIL: The Editor, Menara Star, 15, Jalan
16/11, Section 16, 46350 Petaling Jaya.
Letters must carry the sender's full name,
address and telephone number.
A pseudonym may be included.

Hope for arthritis patients

FEB 2 is observed annually as Rheumatoid Arthritis (RA) Awareness Day. According to the Arthritis Foundation Malaysia, RA affects five out of every 1,000 people in Malaysia regardless of age or gender.

RA is characterised by the body's immune system mistakenly attacking its own joint lining, resulting in stiffness, pain and swelling. If not treated early, it may lead to joint damage and deformities over time.

This year's theme, "Living Well With Rheumatoid Arthritis: Early Diagnosis, Effective Management, and a Brighter Future", underlines the importance of early diagnosis and proper management in mitigating disease progression and improving the quality of life for individuals with RA.

In Malaysia, access to specialised care for RA is limited, and primarily in urban areas, with approximately one rheumatologist available for every 390,000 individuals. Hence, several rheumatology and arthritis organisations have been established with

the goal of improving conditions and promoting self-care for RA patients in the country. Among them, Arthritis Foundation Malaysia and the Malaysian Society of Rheumatology are the most prominent.

Established as a non-profit organisation in 1994, Arthritis Foundation Malaysia has been at the forefront of advocating for those affected by arthritis. It offers valuable information, resources and access to top-notch care while also fostering community connections.

Meanwhile, the Malaysian Society of Rheumatology, founded by a group of professionals in 1987, aims to improve the management of rheumatic diseases and raise awareness among healthcare professionals, the public and policymakers for the benefit of patients and their caregivers.

Many rheumatologists, researchers and immunologists share the same concerns and strive to address challenges related to rheumatic diseases in

Malaysia. Their collective aim is to enhance patient care and advocate for rheumatologic health. Their ultimate goals are aligned with the broader objective of improving patient outcomes and promoting overall rheumatologic health across Malaysia.

Indeed, more data is needed to understand the success of RA treatment. One clinical study conducted in Malaysia reviewed patient data during the treatment period of January 2003 to January 2014. Based on the effectiveness and safety of RA drug used, the study found that 16.9% of patients achieved remission at six months.

The researchers noted that while RA medications were effective, a lower remission rate was observed when compared to developed countries. These findings underline the complexity of RA treatment and highlight the importance of personalised care plans and collaborative efforts to improve care.

Looking ahead, it is heartening to note recent advances in RA treatments, such as biologic medi-

cations, biosimilars, and JAK inhibitors, which show promise, particularly for those not responding to conventional medical treatments.

Currently, researchers in Malaysia are focused on studying the prevalence, genetic factors, and treatment effectiveness of RA, taking into account the country's diverse population.

Aligned with this mission, Malaysian researchers are dedicated to advancing RA through education, patient care, and the development of new management strategies.

Ongoing research and international collaboration remain a key to advancing treatment options and enhancing patient well-being not only in Malaysia but also globally.

DR CHOW SOOK KHUAN
Consultant rheumatologist
and ASSOC PROF DR HWANG
JUNG SHAN
School of Medical and Life
Sciences
Sunway University